

Soalan Lazim

1. **Bagaimanakah saya boleh memohon untuk menangguhkan ansuran bulanan bagi estet kebangkrapan saya?**
Penangguhan ansuran bulanan bagi estet kebangkrapan adalah automatik bagi setiap bankrap mulai bulan Jun hingga Ogos 2021.
2. **Adakah individu bankrap layak menerima i-Citra?**
Ya.
3. **Apakah peranan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) bagi seorang individu bankrap berkaitan dengan i-Citra?**
Individu bankrap perlu mendapatkan kebenaran Mdl untuk membuka/mengaktifkan akaun bank bagi menerima bayaran.
4. **Apakah jenis akaun bank yang dibenarkan untuk dibuka/diaktifkan bagi tujuan penerimaan bayaran i-Citra?**
Akaun simpanan peribadi sahaja.
5. **Bagaimana cara untuk saya memohon kebenaran Mdl untuk membuka/mengaktifkan akaun bank untuk tujuan penerimaan bayaran i-Citra?**
 - a. Muat turun Borang Permohonan Membuka/Mengaktifkan Akaun di pautan: <http://www.mdi.gov.my/index.php/legislation/download-forms/borang-permohonan-membuka-mengaktifkan-akaun-bank>;
 - b. Lengkapkan Borang Permohonan Membuka/Mengaktifkan Akaun dan e-mel kepada informasi.aduan@mdi.gov.my atau e-mel cawangan yang mentadbir kes kebangkrapan;
 - c. Permohonan anda akan diproses dalam tempoh (3) hari hingga (7) hari bekerja. Surat kelulusan membuka/mengaktifkan akaun akan dihantar menerusi e-mel kepada anda; dan
 - d. Sila kemukakan surat tersebut kepada bank semasa membuat permohonan untuk membuka/mengaktifkan akaun.
6. **Adakah pihak Mdl akan membuat potongan bagi wang i-Citra?**
Tidak.

7. Bagaimanakah pihak bank boleh mendapatkan pengesahan sama ada surat kelulusan pembukaan/pengaktifan akaun bank yang dikemukakan oleh bankrap sah?

Pihak bank boleh menghubungi cawangan Mdl yang memberikan kelulusan tersebut menerusi e-mel atau talian.

8. Adakah saya perlu hadir ke cawangan Mdl yang mentadbir kes saya selepas tamat tempoh Pelan Pemulihan Negara walaupun kelulusan membuka/mengaktifkan akaun bank telah diperolehi memandangkan saya tidak pernah hadir sebelum ini ke Mdl?

Ya. Anda perlu hadir ke cawangan Mdl yang mentadbir kes anda dalam tempoh tujuh (7) hari hingga empat belas (14) hari selepas tamat tempoh Pelan Pemulihan Negara. Kegagalan anda berbuat demikian membolehkan pihak Mdl membatalkan kelulusan membuka/mengaktifkan akaun tersebut yang menyebabkan akaun bank anda akan dibekukan/ditutup.

9. Adakah akaun bank yang telah diluluskan boleh digunakan oleh bankrap selepas tamat tempoh Pelan Pemulihan Negara?

Boleh digunakan dengan syarat-syarat tertentu. Bagi bankrap yang tidak pernah hadir ke cawangan Mdl yang mentadbir kes, bankrap perlu hadir ke cawangan Mdl yang mentadbir kes anda dalam tempoh tujuh (7) hari hingga empat belas (14) hari selepas tamat tempoh Pelan Pemulihan Negara. Manakala, bagi bankrap yang pernah hadir ke cawangan Mdl, bankrap harus memberikan kerjasama yang memuaskan kepada Mdl di dalam pentadbiran kes kebangkrutan. Kegagalan mematuhi syarat di atas boleh mengakibatkan akaun bank yang telah diluluskan dibekukan/ditutup.

10. Adakah kaunter di cawangan Mdl beroperasi secara fizikal?

Dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara, kaunter perkhidmatan Mdl akan beroperasi secara fizikal melalui janji temu sahaja. Sebarang pertanyaan berhubung penetapan janji temu boleh dikemukakan melalui e-mel kepada pegawai yang bertanggungjawab atau merujuk talian yang dikemukakan di bawah. Namun demikian, pengoperasian pejabat dan perkhidmatan kaunter dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) adalah ditutup secara fizikal sehingga tempoh PKPD tamat.

11. Saya telah menerima Perintah Kebankrapan ke atas nama saya dan ingin memfailkan Pernyataan Hal Ehwal (PHE). Bolehkah saya memfailkan PHE tersebut secara dalam talian?

Memandangkan peruntukan perundangan mewajibkan untuk bankrap hadir secara bersemuka supaya pegawai dapat memeriksa PHE yang difailkan, bankrap perlu hadir ke cawangan untuk memfailkan PHE tersebut. Sebarang pertanyaan berhubung penetapan janji temu untuk pemfailan PHE boleh dikemukakan melalui e-mel kepada pegawai yang bertanggungjawab atau merujuk talian yang dikemukakan di bawah.

Cawangan	
1. Kuala Lumpur: 03 2618 3000	12. Kedah: 04 720 1100
2. Selangor: 03 5545 9360	13. Negeri Sembilan: 06 763 8516
3. Johor Bharu: 07 226 1644	14. Melaka: 06 234 5521
4. Muar: 06 952 2112	15. Perlis: 04 978 2111
5. Pulau Pinang: 04 210 4241	16. Kota Kinabalu: 088 488 681
6. Ipoh: 05 240 9400	17. Sandakan: 089 228 464
7. Taiping: 05 805 4351	18. Tawau: 089 754 030
8. Kuantan: 09 526 2022	19. Kuching: 082 243 512
9. Temerloh: 09 296 2424	20. Sibu: 084 336 303 / 084 344 720
10. Terengganu: 09 623 3066	21. Miri: 085 442 393
11. Kelantan: 09 744 0445	
Ibu Pejabat	
1. Bahagian Kebankrapan: 03 8885 1361/1221/1321	3. Bahagian Teknologi Maklumat: 03 8885 1345
2. Bahagian Likuidasi: 03 8885 1290/1959/1309	4. Bahagian Perakaunan: 03 8885 1351
Aduan/Pertanyaan	
informasi.aduan@mdi.gov.my	03 8885 1288

12. Saya telah berkali-kali cuba menghubungi cawangan yang mentadbir kes kebangkrapan saya, namun tidak berjaya. Bagaimanakah cara untuk saya berhubung dengan pegawai yang bertanggungjawab?

Sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara, semua cawangan Mdl mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) talian yang boleh dihubungi oleh pelanggan. Namun demikian, panggilan yang diterima adalah dalam jumlah yang banyak dan terdapat panggilan yang tidak dapat disambung. Justeru, pelanggan dinasihatkan untuk mengemukakan apa-apa persoalan secara terus melalui alamat e-mel pegawai yang bertanggungjawab. Kesemua alamat e-mel pegawai boleh didapati di pautan <https://apps.mdi.gov.my/direktori/>. Sekiranya pegawai masih gagal dihubungi

melalui e-mel, pelanggan boleh mengemukakan pertanyaan dan aduan melalui e-mel informasi.aduan@mdi.gov.my.

- 13. Saya mempunyai beberapa persoalan asas tentang kebangkrapan saya namun persoalan tersebut tidak dinyatakan di sini. Adakah cara lain untuk saya mendapatkan jawapan bagi persoalan tersebut?**

Pelanggan boleh merujuk laman sesawang rasmi Mdl di pautan <http://www.mdi.gov.my/index.php/home/faqs?itemId=181> bagi melihat senarai soalan beserta jawapan yang sering dikemukakan kepada Mdl. Sekiranya soalan tersebut tidak disenaraikan, pelanggan boleh menghubungi Mdl melalui talian yang dikemukakan.